

FTA: Malaysia-Amerika gagal capai kata sepakat

UM - 10/2/2007

KUALA LUMPUR 9 Feb. - Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) pusingan kelima dan terakhir yang berlangsung di Kota Kinabalu terus menemui jalan buntu ekoran kegagalan kedua-dua pihak mencapai kata sepakat mengenainya.

Menurut Penolong Wakil Perdagangan AS bagi Asia Pasifik, Barbara Weisel dalam persidangan video di sini hari ini, pihaknya mendapati banyak isu sensitif yang memerlukan kedua-dua pihak untuk terus berbincang mengenainya.

"Adalah sukar untuk kedua-dua wakil perunding Malaysia dan AS mencapai kata sepakat mengenai FTA berkenaan dalam masa yang disasarkan dan kami mendapati wujudnya keperluan untuk terus berbincang.

"Kami akan terus berbincang dan cuba bekerjasama dengan wakil perunding Malaysia bagi mencari jalan penyelesaian ke arah kebaikan dan kelebihan bersama antara kedua-dua negara," katanya kepada pemberita.

Rundingan FTA yang masuk hari terakhir hari ini diadakan di Karambunai

Resort, Kota Kinabalu, Sabah.

Isu FTA itu baru-baru ini dikejutkan dengan gesaan anggota kanan Kongres AS, Tom Lantos agar pentadbiran Presiden George W. Bush menggantung FTA dengan Malaysia sebagai memprotes perjanjian projek tenaga Malaysia dengan Iran, Rafidah berkata, perkara itu tidak diendahkan oleh pentadbiran AS.

Malaysia merupakan rakan dagang ke-10 terbesar AS dengan urus niaga dua hala bernilai hampir RM158 bilion pada tahun 2005.

Banyak pihaknya meramalkan jumlah urus niaga tersebut akan meningkat sekali ganda sekiranya FTA itu dimeterai.

Mengulas lanjut, Weisel berkata, wakil perunding AS berpendapat kedua-dua pihak perlu mencapai kata sepakat dalam beberapa isu sensitif yang tersenarai dalam rundingan berkenaan bagi merapatkan jurang perbezaan pendapat dalam perjanjian itu.

Jelas beliau, pihak AS yakin rundingan tersebut akan diteruskan dalam masa terdekat dan FTA dimeterai tidak lama lagi.